

# Falsafah dan Kebudayaan

## Plato (Aflaṭūn) dan Aliran Falsafahnya

(Terjemahan: Abdullah bin Awang, bekas penuntut Maahad al-Muhammadi, Kota Baharu Kelantan)

Plato (Aflaṭūn) ialah seorang ahli falsafah Yunani Tua, murid dari seorang pemuka, ahli fikir Socrates (Suqrāt). Ia besar dalam suatu keluarga yang kaya raya dan diperanakkan lebih kurang dalam tahun 428 sebelum tarikh masih.

Plato mengambil jalan baharu dalam falsafah. Apabila ia memasuki gelanggang falsafah, ia dapati keadaannya sudah bercampur dengan tidak berketentuan lagi dan dengan teori yang bermacam-macam pula. Ia pun mengumpulkan fikiran-fikiran tadi serta mempersesuai dan memilih mana-mana yang baik, hingga jadilah satu ikatan yang kukuh teguh.

Ia telah meninggalkan kepada kita banyak kitab-kitab dalam falsafah, disusunnya secara soal jawab mengikut aliran yang dilalui oleh gurunya Socrates. Ia menganggap Socrates sebagai seorang tokoh yang teragung dan patut dicontohi.

Aliran karangannya teristimewa dari segi ilmu rasa bahasa. Dalam kitab-kitabnya ia adalah seorang pujangga dan seorang seniman.

Plato mengkaji tentang teori makrifat. Atau dengan lain-lain perkataan dari mana datang sesuatu ilmu itu kepada kita, adakah datangnya dengan pancaindera atau dengan

pancaindera dan pemerhatian. Dalam kitab-kitab falsafahnya

membahas mengenai hal ini dengan panjang lebar.

Satu daripada kitabnya yang masyhur ialah “Republic”.

Di dalamnya terdapat ringkasan falsafahnya. Kitab ini juga mengandungi agama, akhlak, ilmu jiwa, siyasah dan pendidikan.

Suatu perkara yang menarik hati tentang huraian dalam kitab itu, Plato meletakkan asas-asas untuk mendirikan sebuah bandar besar, atau sebuah bandar yang akan menjadi contoh utama kepada bandar-bandar yang lain.

Umpamanya bagaimana hendak menjalankan keadilan. Siapa yang akan mengendalikan hukum. Bagaimana hendak mendidik ahli hukum. Bagaimana hendak mendidik kanak-kanak. Apakah sikap perempuan dalam bandar itu, bagaimana pula susunan hak milik di dalamnya, dan banyak lagi.

### Susunan Masyarakat yang Sempurna

Kitabnya “Republic” ini dimulai bahasannya erti: Keadilan. Mengikut pendapatnya, keadilan itu tidak boleh hendak diketahui hakikatnya, melainkan dengan mempelajari masyarakat itu lebih dahulu. Kita mestinya perhati bagaimana dan sejauh mana sudah kesempurnaan susunan masyarakat itu. Bagaimana pula hubungan di antara

anggota-anggota masyarakat itu. Jikalau kita berkuasa

### Tingkah Laku Manusia

menyatakan atau menyifatkan, tentu akan kita berkuasa

Kerana itulah ia memulakan kajiannya tentang

pula untuk mengambil satu-satu keputusan tentang masyarakat

manusia. Ia berpendapat segala perbuatan dan tingkah

itu daripada: Erti masyarakat yang adil, manusia yang

laku manusia itu keluar daripada tiga perkara iaitu:

adil dan erti keadilan itu sendiri.

Keinginan, perasaan dan akal.

Plato memulakan kajiannya terhadap sesuatu

Keinginan, tempatnya di dalam perut, membawa kepada

masyarakat itu dengan mempelajari tiap-tiap anggota masyarakat

kecerdasan.

itu. Kerana manusia dan kerajaan itu dua perkara

Perasaan, tempatnya di hati, menyediakan manusia

yang satu hakikatnya. Kerajaan itu terdiri dari

bertenaga dan berperasaan dalam hidupnya.

kumpulan anak-anak masyarakat itu. Apabila kita ingin

Akal tempatnya di kepala, tugasnya sebagai petunjuk

untuk mendirikan satu-satu kerajaan yang baik, mestilah

kepada jalan yang betul dan benar.

kita menyediakan anak-anak negeri yang baik lebih dahulu.

Tiap-tiap seorang manusia itu ada tiga perkara



*Ahli Jawatankuasa Badan Syaranan Asrama Pelajar Sungai Pinang, Klang, Selangor, setelah mengadakan mesyuarat baharu-baharu ini. Duduk nomor dua dari kanan ialah saudara Ghazali Yusa'. Kiriman A. Ahmad Klang.*

tersebut, tetapi dengan darjat yang berlainan. Setengah manusia dikuasai oleh keinginan, maka ia karam di dalam lautan kebendaan. Setengahnya pula dimenangi oleh perasaan seperti askar yang taat setia kerana berperang untuk mempertahankan tanah airnya. Dan setengahnya lagi dimenangi oleh akal dan kebijakan seperti ahli-ahli fikir yang agung. Manusia yang seimbang tiga perkara tersebut di dalam dirinya ialah manusia yang sempurna. Semua dalam kerjasama. Keinginan tadi berusaha, perasaan: memberi makan, dan akal menunjuk jalan. Keadaan masyarakat anak bangsa serupa juga dengan orang perseorangan.

Mesti ada petani, tukang-tukang yang menyerupai orang seorang tentang kekuatan keinginan, askar yang menyerupai kekuatan semangat dan perasaan dan ahli-ahli tadbir yang memandu masyarakat dengan kebijaksanaan dan akal fikiran.

Di atas asas inilah Plato meletakkan asas-asas

susunan pemerintahan dan kasta-kasta dalam masyarakat. Tetapi

Kitab Sejarah Untuk Sekolah-Sekolah Sudah Siap

Sejarah Ringkas

**Muhammad**

*ṣallā Allāhu 'alayhi wa sallam*

Disusun oleh Edrus. Sejarah

ringkas junjungan kita Muhammad (S.A.W) yang perlu diketahui terutamanya oleh murid-murid sekolah.

Tiap-tiap bahagian disudahi dengan pertanyaan-pertanyaan yang boleh mengingatkan murid-murid kepada apa yang telah dibacanya. Bahasanya mudah difaham dan disulam dengan peta dan gambar-gambar yang berkenaan dengan sejarah-sejarah itu. Pertama buku sejarah ringkas yang diterbitkan oleh Qalam untuk sekolah-sekolah.

Senaskah \$1.20

Pos 10 sen.

yang membawa kepada pembahagian itu ialah pendidikan. Ahli-ahli kebendaan untuk bekerja, askar-askar untuk berperang mempertahankan negeri dari pencerobohan, dan ahli-ahli fikir kerana menjalankan pemerintahan.

### **Tujuan Sekolah**

Dalam bandar itu pula mesti mengadakan satu tempat untuk pendidikan umum. Tujuan sekolah itu ialah kerana mendidik kanak-kanak yang ditinggalkan oleh ibu bapa mereka dari kecil lagi sama ada kedua-duanya mati atau lainnya sebagai memberi peluang kepada mereka untuk menyuburkan bakat-bakat mereka dan kebolehan mereka.

### **Sistem Pengajaran Umum**

Selain daripada sekolah jenis itu, maka hendaklah ada satu sistem pengajaran umum di dalam bandar itu. Pada peringkat pertama, pendidikan mesti dititikberatkan mengenai perkara-perkara yang bersangkut paut dengan tubuh badan, termasuklah seni muzik untuk memperhalus perasaan dan fikiran, dan mendidik akhlak atau budi pekerti dengan cara yang sehalus-halusnya. Semua itu supaya mereka tahu hubungan dengan orang lain, dan tahu pula hak-hak dan kewajipannya. Dalam hal ini agama mestilah dipentingkan supaya mereka patuh dan taat kepada Tuhan.

Di samping ilmu-ilmu tersebut, ilmu-ilmu gerak badan, dan tarikh dengan cara yang menarik, mestilah diajarkan hingga kanak-kanak itu berumur 20 tahun. Dengan demikian kanak-kanak mendapat peluang yang luas sekali untuk mencapai makanan yang baik di dalam tiga segi kekuatan ini: Tubuh badan, akal dan akhlak.

### **Menguji Pemuda-Pemuda**

Setelah itu hendaklah menguji pemuda-pemuda itu dengan ujian yang keras sekali dan teliti untuk mengetahui

kebolehan, persediaan dan kekuatan mereka. Mana-mana yang cuai dan jatuh dalam ujian itu diberi pekerjaan-pekerjaan dalam lapangan mengenai ekonomi seperti pertanian, perniagaan dan pertukangan. Manakala orang lulus pula, hendaklah memasuki peringkat yang kedua hingga 10 tahun lamanya, untuk mendapat didikan tubuh badan, akal fikiran dan akhlak yang lebih tinggi. Pada akhir peringkat ini mereka diuji lagi dengan lebih halus dan teliti. Orang-orang yang gagal di dalam ujian ini diberi jawatan-jawatan sebagai ketua-ketua askar, dan mana-mana yang lulus hendaklah ia memasuki peringkat yang ketiga hingga lima tahun lamanya. Di sini mereka belajar ilmu falsafah termasuklah ilmu siyasah, atau cara-cara pemerintahan dan falsafah ketuhanan.

Apabila mereka lulus dalam peringkat yang ketiga ini, bolehlah mereka keluar merempuh ke lautan hidup.

Mereka memasuki lapangan hidup, supaya mereka tahu dengan cubaan-cubaan itu. Orang yang tidak berjaya boleh memasuki askar, manakala orang-orang yang lulus bolehlah memegang jawatan-jawatan pentadbir dalam kerajaan.

Plato telah meletakkan syarat-syarat yang ketat dan halus kepada pentadbir-pentadbir kerajaan dengan melarang mereka daripada bersifat hasad dengki, tamak pada harta dan seumpamanya.

### Kesimpulannya:

Dengan cara ini ia dapat mengambil keputusan, bahawa satu-satu masyarakat yang adil itu ialah masyarakat yang terdiri dari anak-anak masyarakat yang memikul kewajipannya yang telah sedia dari semula jadi. Satu puak tidak boleh hendak mengganggu puak yang lain, malah mereka wajib bertolong-menolong untuk melakukan

satu kesatuan kerja yang sempurna dan betul.

Sifat tolong-menolong inilah yang dikatakan keadilan satu-satu bangsa. Lelaki yang adil ialah mengenal kadar dirinya. Dia meletakkannya di tempatnya. Dia mencerahkan segala sesuatu sekadar kuasanya supaya mendapat bahagian sekadar itu juga. Semua itu tidak akan berlaku kalau tidak bertolong-menolong dengan kekuatan tubuh badan dan jiwanya.

Inilah serba sedikit tentang rupa benda contoh utama itu mengikut peta yang digambarkan oleh Plato.

Bukunya “*Republic*” adalah sebagai perintis bagi pujangga-pujangga dan ahli-ahli falsafah dalam kurun-kurun selepasnya hingga hari ini. Buku itu telah disalin kepada bahasa-bahasa dunia.

(Dipetik dan diterjemahkan dari buku “*al-Tawjīh al-Adabī*”, buah kalam Dr Taha Hussein, Mesir).

Sudahkah Tuan membaca:

### Surat Menyurat

Disusun oleh Edrus – mengandungi hal ehwal pejabat surat dengan contohnya iaitu selain daripada mengandungi hal ehwal yang mengenai surat-surat beradat, kepada ahli-ahli agama, kepada orang awam.

Inilah pertama-pertama buku mengenai surat menyurat di dalam Bahasa Melayu huruf jawi yang lengkap kandungannya.

Senaskah \$1.80

Pos 20 sen.

Kalau memesan hendaklah disebut naskhah **Jawi**.